



Headline: Rugi RM433,000 angkara Macau Scam  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 20 January 2022

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 22

# Rugi RM433,000 angkara Macau Scam

Melibatkan seorang penyelia dan seorang peniaga masing-masing kerugian RM263,000 serta RM170,000

Oleh NORAWAZNI YUSOF

**KUANTAN**

**D**ua individu kerugian RM433,000 selepas terpedaya helah sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai wakil dari syarikat kurier, pegawai lembaga hasil dalam negeri (LHDN) dan pegawai polis.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, dalam kes terbaru di daerah Bentong itu, ia melibatkan mangsa seorang penyelia dan seorang peniaga masing-masing berdepan kerugian RM263,000 serta RM170,000.

Menurutnya, dalam kes pertama melibatkan penyelia berusia 39 tahun menerima panggilan antarabangsa daripada wakil syarikat kurier sekitar tahun 2020 memaklumkan terdapat satu bungkusan atas nama mangsa mengandungi kad pengenalan miliknya dan satu bungkusan dipercayai dadah.

“Panggilan itu kemudiannya disambung ke Ibu Pejabat Polis Daerah Sabah dan mangsa telah bercakap dengan seorang individu yang mendakwa dirinya pegawai polis.

“Mangsa dimaklumkan dirinya terlibat dengan pengedaran dadah, namun

suspek bersedia membantu mangsa untuk melupuskan kesalahan itu dengan memasukkan sejumlah wang,” katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Beliau berkata, mangsa mengadakan perbincangan dan bersetuju dengan syarat suspek kerana bimbang dirinya akan ditahan serta didakwa.

“Mangsa telah melakukan 20 transaksi bermula November 2020 hingga awal Januari lalu yang berjumlah RM263,000.

“Kesemua transaksi itu dilakukan secara dalam talian dan turut menggunakan mesin pengeluaran wang automatik (ATM) di Genting Highlands ke dalam akaun berbeza yang diberikan suspek,” ujarnya.

Sementara itu, dalam kes kedua, Mohd Wazir berkata, mangsa menerima panggilan daripada dua individu yang menyamar sebagai pegawai LHDN dan pegawai polis.

Jelasnya, mangsa dikatakan



**MOHD WAZIR**

mempunyai cukai tertunggak seterusnya dituduh terlibat dengan kegiatan penjualan dadah dan cuci wang selepas panggilan tersebut disambungkan kepada pegawai polis.

“Suspek meminta mangsa memasukkan sejumlah wang bagi menutup kesalahan

itu dan bagi memudahkan urusan pembayaran mangsa telah menyerahkan kod pengesahan transaksi (TAC) kepada suspek bagi tujuan pemindahan wang.

“Mangsa kemudian, menyemak akaun bank miliknya mendapati wang RM170,000 lesap,” katanya.

Mohd Wazir berkata, susulan itu kedua-dua mangsa tampil membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Bentong pada Selasa.

Katanya, rakaman percakapan mangsa juga telah dibuat dan disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

“Modus operandi yang digunakan dengan memperdaya mangsa dalam urusan penghantaran barangan salah dan cukai tertunggak.

“Mangsa kemudian didakwa terlibat dengan jenayah dan meminta memasukkan wang bagi menyelesaikan kes yang kononnya dilakukan mangsa,” katanya.